

06 OCT 1999

SNAP-calon

SNAP UMUM CALON UNTUK PILIHAN RAYA UMUM

KUCHING, 6 Okt (Bernama) -- Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), sebuah daripada empat komponen Barisan Nasional di negeri itu, hari ini mengumumkan nama empat orang termasuk dua muka baru sebagai calon pada pilihan raya umum akan datang.

Presidennya Datuk Amar James Wong berkata muka baru yang akan dikemukakan oleh parti itu ialah Dr Tiki Lase bagi kawasan Mas Gading dan Datuk Tiong King Sing bagi Bintulu.

Dua lagi calon yang dikekalkan ialah Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Peter Tinggom bagi kawasan Saratok dan Jacob Dungau Sagan bagi kawasan Baram.

"Nama calon itu sudahpun dihantar kepada Pengerusi BN Negeri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dua minggu lepas," katanya pada persidangan media di ibu pejabat parti itu di sini.

Katanya kini terpulanglah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan berhubung keempat-empat calon itu.

Dengan pengumuman ini SNAP menjadi parti komponen BN pertama yang mengumumkan senarai calon yang akan bertanding meskipun tarikh pilihan raya umum masih belum diketahui lagi. Tiga lagi komponen BN di Sarawak ialah Parti Pesaka Bumiputera Bersatu, Parti Rakyat Bersatu Sarawak dan Parti Bansa Dayak Sarawak.

"Saya yakin calon-calon SNAP akan menang keempat-empat kawasan yang diperuntukkan kepada kami," kata Wong.

Kawasan Mas Gading kini diwakili oleh bekas Naib Presiden SNAP Dr Patau Rubis yang memenangi kerusi itu pada tahun 1995 ketika bertanding sebagai calon BN. Beliau kemudian meninggalkan SNAP dan kini menegetuai Parti Reformasi Sarawak (Star).

Kawasan Bintulu kini disandang oleh Chiew Chiu Sing dari DAP yang mengalahkan Wong pada pilihan lepas.

--BERNAMA

MT MAI